

PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL PINTAS PERCUBAAN
KERTAS 2
Bahagian A

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
1 (a)	F1 Buruh H1a Merupakan tenaga fizikal atau mental yang disumbangkan oleh manusia dalam proses pengeluaran H1b Terdiri dari tenaga buruh mahir dan tidak mahir H1c Ganjaran Upah/gaji H1d Mempunyai mobiliti pekerjaan /geografi H1e Penawaran Terhad 1 F + 2 H F2 Modal H2a Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkidmatan H2b menerima faedah sebagai ganjaran H2c mobiliti geografi/pekerjaan 1 F + 2 H	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 6m]
1 (b)	H1 Membekalkan barang awam H2 cth hospital, sekolah H3 Menstabilkan ekonomi H4 Merapatkan jurang pendapatan /cukai pendapatan/ pemberian bantuan kewangan H5 Mengurangkan eksternaliti melalui penguatkuasaan undang-undang H6 Mengawal harga barang dan perkhidmatan / barang kawalan H7 mengadakan pemantauan H8 Melaksanakan program ekonomi awam	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]
1 (c)	F1 Pendapatan H1 Pertambahan pendapatan pengguna F2 Harga barang lain H2 Harga barang pengganti mahal /Harga barang penggenap meningkat F3 Citarasa H3 Peningkatan citarasa	1 1 1 1 1 1 1

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
	F4 Dasar kerajaan H4 Penurunan cukai pendapatan individu F5 Jangkaan harga masa depan H5 Harga dijangka naik pada masa depan 2 F + 2 H	1 1 1 1 [Mak. 4m]
1 (d) (i)	$ES = \frac{\% \Delta Q_s}{\% \Delta P}$ $ES = \frac{40}{25}$ $ES = 1.6$	1 1 1 [Mak. 2m]
1 (d) (ii)	H1 Anjal H2 Apabila harga berubah 1 %, maka kuantiti ditawarkan berubah 1.6% H3 Pengeluar lebih responsif kepada perubahan harga H4 Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti ditawarkan / ($\% \Delta P < \% \Delta Q$) H5 Pekali keanjalan $ES > 1$ (contoh: 1.6) H6 Keluk penawaran berbentuk landai	1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]
2 (a)	F1 Alat perantaraan pertukaran H1 Wang membolehkan individu membeli barang dan perkhidmatan. F2 Alat ukuran nilai H2 Harga barang dinyatakan dalam nilai wang	1 1 1 1 [Mak. 4m]
2 (b)	F1 Debit langsung H1 Pelanggan mengarahkan bank membuat baharan yang tidak tetap jumlahnya F2 Pindahan kredit H2 Syarikat membuat bayaran gaji secara tunai F3 Perintah sedia ada H3 Pemegang akaun mengarahkan bank untuk membuat bayaran tetap dan berulang pada tarikh yang ditetapkan	1 1 1 1 1 1 [Mak. 6m]


SOALAN	BUTIRAN	MARKAH										
2 (c) (i)	Pendapatan boleh guna = Jumlah pendapatan – Jumlah potongan wajib = RM6 000 – RM 812.50 = RM5 187.50	1 1 1 [Mak. 2m]										
2 (c) (ii)	H1 Barang Tahan Lama H2 barang yang mempunyai tempoh penggunaan yang panjang / biasanya melebihi tempoh setahun H3 melibatkan perbelanjaan yang besar H4 merupakan barang kehendak /cth kereta, rumah, perabot dll H5 Barang Tidak Tahan Lama H6 barang yang mempunyai tempoh penggunaan yang singkat iaitu kurang drp setahun. H7 melibatkan perbelanjaan yang kecil H8 barang keperluan/ cth makanan, minuman dll H9 Perkhidmatan H10 Perbelanjaan bukan barang nyata H11 Perbelanjaan pengguna spt internet, perubatan, pelancongan dan pengangkutan.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]										
2 (d)	<table><tr><td>Input tetap</td><td>Input berubah</td></tr><tr><td>H1a Kuantiti tetap pada setiap tingkat output</td><td>H1b Kuantiti berubah mengikut tingkat output</td></tr><tr><td>H2a Wujud walaupun output sifar</td><td>H2b Tidak wujud pada tingkat output sifar</td></tr><tr><td>H3a Wujud dalam jangka masa pendek</td><td>H3b Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang</td></tr><tr><td>H4 cth : bangunan, mesin</td><td>H4b cth: bahan mentah, buruh</td></tr></table>	Input tetap	Input berubah	H1a Kuantiti tetap pada setiap tingkat output	H1b Kuantiti berubah mengikut tingkat output	H2a Wujud walaupun output sifar	H2b Tidak wujud pada tingkat output sifar	H3a Wujud dalam jangka masa pendek	H3b Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang	H4 cth : bangunan, mesin	H4b cth: bahan mentah, buruh	1+1 1+1 1+1 1+1 [Mak. 4m]
Input tetap	Input berubah											
H1a Kuantiti tetap pada setiap tingkat output	H1b Kuantiti berubah mengikut tingkat output											
H2a Wujud walaupun output sifar	H2b Tidak wujud pada tingkat output sifar											
H3a Wujud dalam jangka masa pendek	H3b Wujud dalam jangka masa pendek dan panjang											
H4 cth : bangunan, mesin	H4b cth: bahan mentah, buruh											
3 (a)	H1 Barang sosial ialah barang atau perkhidmatan yang membawa manfaat terbesar kepada semua masyarakat H2 Dikeluarkan kerajaan H3 Penggunaan semua orang H4 Tidak perlu bayaran / Bayaran minimum H5 Dapat meningkatkan taraf hidup H6 Sistem pendidikan [Rakyat celik huruf]/Logi Pembersihan Air,	1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]										

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
3 (b)	H1 Subsidi H1a Kerajaan selalunya akan memberi subsidi kepada pengeluar yang menggunakan kaedah pengeluaran mesra alam. H2 Undang-undang H2a Kerajaan Mengawal aktiviti firma / pemberian lesen H2b Lesen akan ditarik balik jika melanggar peraturan yang ditetapkan H3 Cukai H3a Kerajaan boleh mengenakan cukai ke atas pengeluaran barang dan perkhidmatan yang membawa kesan pencemaran alam sekitar	1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 6m]
3 (c)	H1 Perbelanjaan mengurus H2 Membolehkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan berjalan lancar H3 Pembayaran bersifat berulang-ulang. H4 Perbelanjaan bagi pembayaran gaji dan elaun kepada kakitangan kerajaan atau penjawat awam H5 Merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan yang terbesar H6 Meningkatkan motivasi untuk bekerja	1 1 1 1 1 1 [Mak. 5m]
3 (d) (i)	Harga mata wang sesebuah negara dalam nilai mata wang asing	1 [1m]
3 (d) (ii)	H1 Nilai eksport tinggi H2 Nilai import rendah H3 Nilai eksport melebihi nilai import / sebanyak RM 10.7 bilion H4 Permintaan RM meningkat H5 Penawaran RM berkurang H6 Permintaan RM melebihi penawaran RM H7 Kadar RM meningkat	1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4m]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Bahagian B

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
4 (a)	F1 Hasil Cukai H1 Cukai langsung H1a Cth Cukai langsung H2 Cukai tak langsung H2a Cth Cukai tak langsung F2 Hasil bukan cukai H2 Cth hasil bukan cukai 2F + 2H	1 1 1 1 1 1 1 [4m]
4 (b)	 H1 Pemberian BSH dapat meningkatkan taraf hidup rakyat H2 Permintaan pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan Akan meningkat H3 Keluk permintaan akan beralih ke kanan D_0 ke D_1 H4 Keseimbangan berubah dari E_0 ke E_1 H5 Harga keseimbangan baru ialah pada P_1 H6 Kuantiti keseimbangan baru ialah pada Q_1 H7 Kesannya kuantiti keseimbangan meningkat sebanyak Q_0 Q_1/ Harga keseimbangan meningkat sebanyak P_0 P_1 Nota: Rajah lengkap 4m Huraian lengkap tanpa rajah maksima 4 m.	4m 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 7m]

4 (c)	Tahap 1 • Pengetahuan yang terhad dalam teori ekonomi yang relevan • Fakta tidak dijelaskan • Jawapan secara umum Contoh • Meningkatkan pendapatan • Meningkatkan kuasa beli • Meningkatkan permintaan barang • Meningkatkan taraf hidup • Meningkatkan pertumbuhan ekonomi Tahap 2 • Berupaya mengaplikasikan fakta, teori dan prinsip asas ekonomi dengan jelas berkaitan dengan soalan • Maklumat dijelaskan dengan agak teratur • Idea yang disampaikan adalah logik dan berkaitan. Contoh - Pendapatan boleh guna masyarakat meningkat - Mampu menikmati lebih banyak barang kehendak - Tahap kepuasan meningkat - Pertumbuhan ekonomi semakin pesat - Peluang pekerjaan bertambah. Tahap 3 • Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional berkaitan tindakan mengatasi inflasi • Huraian yang sangat jelas dan matang • Fakta yang dikemukakan sangat jelas, tepat dan berkaitan • Mengemukakan bukti / contoh yang betul dan tepat berkaitan Tindakan mengatasi inflasi Contoh • BSH merupakan bayaran pindahan • Sejenis pendapatan tidak produktif • Membantu ,meningkatkan pendapatan boleh guna masyarakat khususnya golongan B40 • Membantu mereka menikmati barangan keperluan dan kehendak • Meningkatkan kuasa beli golongan B40 • Mampu menikmati barangan yang lebih berkualiti dan memaksimumkan kepuasan • Kehidupan keluarga menjadi lebih selesa • Taraf hidup keluarga meningkat • Permintaan barangan yang meningkat merangsang peningkatan dalam pengeluaran	(1-3m) (4-6m) (7-9m) 
-------	---	---

	- Firma meningkatkan pengeluaran dan menambahkan peluang pekerjaan - Rantaian ekonomi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.	
5(a)	F1 Sistem dan prosedur H1 Kecekapan dan keberkesanan sistem dan prosedur/ringkas selaras matlamat organisasi/efektif membantu mengesan kelemahan dalam organisasi F2 Stuktur organisasi H2a Organisasi dibahagikan kepada bahagian tertentu/mempunyai tanggungjawab, skop dan pengkhususan unit masing-masing. H2b Ia juga perlu memilih struktur sesuai operasinya. F3 Gaya kepimpinan H3 Pemimpin harus memiliki kemahiran membuat keputusan tepat/mengambil risiko dan berwibawa untuk memotivasikan ahli organisasinya. F4 Persekitaran kerja H4a Susun atur tempa kerja menjadikan operasi lancar / kondusif / selesa. H4b kemudahan disediakan amat membantu pekerja dalam tugas mereka F5 Bahan-bahan H5a Bahan berkualiti yang digunakan mengelakkan pembaziran / kerosakan. H5b Pengurusan inventori yang sistematik dapat mengelakkan simpanan stok yang berlebihan / bekalan sentiasa mencukupi bagi proses pengeluaran F6 Kelengkapan modal H6a Kelengkapan modal yang berfungsi dengan baik, H6b Diselenggara dan diperiksa berkala *Mana-mana tiga 3F + 3H	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 6m]
5 (b)	H1 Setiap guna tenaga akan ditempatkan di posisi kerja mengikut kebolehan dan kemahiran H2 Tahap kemahiran individu boleh ditingkatkan melalui latihan kursus H3 Kearifan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh H4 Peluang pekerjaan lebih banyak H5 Pengurangan pengangguran H6 Kuasa beli akan meningkat H7 Pekerja akan lebih bermotivasi melalui pemberian ganjaran H8 Pendapatan Negara akan meningkat	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 5m]

5 (c)	Tahap 1 • Pengetahuan terhad tentang teori/konsep ekonomi • Penjelasan secara umum • Huraian bercampur betul dan salah Tahap 2 • Mengemukakan cadangan dengan baik • Berupaya menghuraikan setiap cadangan dengan jelas • Berupaya mengaplikasikan fakta, teori dan prinsip ekonomi dengan betul dan tepat • Contoh/bukti dinyatakan • Huraian satu sisi Tahap 3 • Mempunyai pendirian yang jelas • Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional berkaitan isu • Huraian yang jelas dan matang • Berupaya menilai setiap cadangan secara terperinci dengan bukti yang betul dan tepat. • Fakta yang dikemukakan jelas, tepat dan berkaitan • Hujah dibuktikan melalui contoh/rajah/ maklumat/data yang relevan • Huraian dua sisi TAHAP 3 hanya untuk pelajar yang memberi huraian dua sisi Contoh Setuju • Eksternaliti positif dari segi faedah sosial • Penggunaan perkhidmatan yang lebih canggih dan lebih cepat • Wujud peluang pekerjaan kepada rakyat mengendalikan teknologi • Teknologi baru diperkenalkan mengganti tenaga manusia yang cepat bosan/letih dalam mengendali pekerjaan berat/rumit • Pekerja akan lebih mahir dan pakar dalam setiap bidang teknologi tinggi • Pengkhususan kerja/bidang yang lebih baik • Upah yang lebih tinggi mengikut kemahiran/kepakaran teknologi • Terdapat banyak peluang kursus/latihan ke arah profesional • Peluang kenaikan pangkat lebih mudah ke peringkat lebih tinggi • Pengeluaran dalam negara menjadi semakin berkualiti dan bertambah dengan adanya teknologi terkini dalam bidang penghasilan produk	(1-3m) (4-6m) (7-9m)
-------	--	---

	• Teknologi memberi ruang dan peluang kepada firma dalam negara bersaing sesama sendiri dan mampu bersaing dengan firma luar negara juga • Memberi faedah kepada pengguna produk menikmati barangan yang boleh meningkatkan kepuasan hasil teknologi R&D Tidak setuju • Eksternaliti negatif dari segi kos sosial • Pengurangan tenaga kerja akibat penggunaan teknologi yang canggih • Berlaku pengangguran/kurang pekerjaan • Pekerjaan masa dahulu yang wujud kini dihapuskan contoh jurutaip (atau apa-apa pekerjaan yang telah dihapuskan) • Pekerja di kaunter-kaunter bank atau organisasi lain dikurangkan (teknologi penggunaan mesin ATM) • Majikan memberhentikan pekerja/menggunakan jumlah buruh yang sedikit • Taraf hidup menurun (akibat tiada pekerjaan yang diambil alih oleh teknologi) • Kuasa beli menurun (akibat tiada pendapatan kerana hilang pekerjaan) • Pencemaran alam sekitar jika teknologi yang digunakan tidak melalui R&D yang betul • Ketidakeimbangan sumber ekonomi berlaku kerana penggunaan teknologi lebih baik dari sumber ekonomi seperti tenaga buruh	
6 (a)	H1 Inflasi / Inflasi diimport 1 H2 Kenaikan tingkat harga umum apabila harga barang yang diimport dari luar negara meningkat. 1 H3 Barang siap import yang mahal akan dijual pada harga yang lebih tinggi di pasaran tempatan 1 H4 kos pengeluaran meningkat / harga jualan dan perkhidmatan naik di pasaran tempatan 1 H5 Disebabkan oleh kadar inflasi yang tinggi di negara pengeksport atau kejatuhan nilai wang tempatan 1 H6 Kejatuhan nilai mata wang tempatan menyebabkan harga barang import secara relatifnya lebih mahal. 1 H7 Tingkat harga barang tempatan yang menggunakan komponen import akan meningkat dan berlakulah inflasi diimport 1 [Mak. 4m]	

6 (b)	H1 Meningkatkan kadar cukai H2 Pendapatan boleh guna menurun H3 Kuasa beli pengguna menurun / Permintaan menurun H4 Perbelanjaan kerajaan dikurangkan H5 Permintaan agregat dikurangkan H6 Pertumbuhan ekonomi merosot H7 Tingkat harga umum menurun H8 Inflasi dapat di atasi Terima mana-mana jawapan yang munasabah.	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 7m]
6 (c)	Tahap 1 • Pengetahuan terhad terhadap teori/konsep • Menyenaraikan fakta / isi sahaja tanpa huraian • Huraian tentang kesan terhadap isi rumah, firma dan negara tidak dijelaskan dengan baik dan kurang difahami Tahap 2 • Berupaya mengaplikasikan fakta dan konsep dengan betul dan sesuai dengan situasi yang diberikan • Fakta yang sesuai dan betul • Sebahagian besar huraian tentang kesan terhadap isi rumah, firma dan negara • Mengemukakan idea yang rasional dan masih sesuai Tahap 3 • Berupaya mengaplikasikan fakta dan konsep dengan betul, tepat dan jelas dengan situasi yang diberikan • Fakta yang sesuai, betul dan jelas • Menganalisa/ menilai kesan tindakan kerajaan terhadap isi rumah, firma dan negara dengan tepat dan matang • Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional • Membuat kesimpulan/ rumusan/ pandangan/ cadangan/ memberikan bukti/ data relevan Contoh : • Kadar Faedah merupakan kos yang ditanggung oleh peminjam semasa membuat pinjaman • Bank Pusat mengawal penawaran wang dalam ekonomi dengan mengubah kadar faedah • Pengawalan / perubahan kadar Faedah adalah salah satu Alat Dasar Kewangan negara semasa berlaku inflasi / deflasi • Perubahan kadar faedah akan memberi kesan terhadap kos meminjam dan beban hutang peminjam • Kenaikan kadar faedah akan dapat mengurangkan jumlah pinjaman yang dibuat oleh masyarakat	[1 – 3 m] [4 – 6 m] [7 – 9 m]

	• Bekalan wang dalam ekonomi berkurang • Kuasa beli masyarakat akan menurun • Tingkat harga barangan cenderung menurun / jatuh • Kaedah bayaran secara kredit juga dikenakan kadar faedah yang meningkat / pengguna akan mengelak pembelian secara kredit • Perbelanjaan agregat dalam ekonomi akan berkurang • Firma akan mengurangkan jumlah pinjaman / modal kewangan berkurang kerana kadar faedah yang tinggi • Firma menghadapi masalah kecairan tunai • Pelaburan firma terhad / kos pengeluaran firma meningkat • Pelaburan agregat dalam ekonomi berkurang • Daya saing Firma merosot • Perbelanjaan agregat kepada pengguna dan firma menurun, maka penawaran agregat barang dan perkhidmatan negara akan berkurang • Menyebabkan Firma tidak bermotivasi untuk mengeluarkan banyak barang • Firma juga tiada modal untuk mengembangkan operasi dan meningkatkan penawaran. • inflasi semakin pulih • Kesan kepada Objektif Makroekonomi • Guna tenaga akan menurun kerana firma mengurangkan pekerja akibat kos pengeluaran meningkat • Tingkat harga umum akan menurun akibat kuasa beli pengguna menurun • Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan / pendapatan negara menurun • Aliran masuk wang tunai ke dalam negara merosot • Kesan buruk • Jika pengurangan permintaan terus berlaku, firma akan menutup operasi / mengurangkan pekerja • keadaan ini akan menyebabkan kadar pengangguran meningkat dan pertumbuhan ekonomi negara terbatas • Imbangan Pembayaran Defisit • Kadar kemiskinan meningkat • masalah kekeluargaan / kehilangan keyakinan diri / kes jenayah meningkat	
--	---	--

7 (a)	F1 Eksport barang nampak H1 Barang nyata yang dikeluarkan dalam Malaysia dijual keluar negara F2 Import barang nampak H2 Barang nyata yang dibeli oleh rakyat Malaysia dari luar negara	1 1 1 1 [Mak. 4]
7 (b)	H1 Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara H2 Perbezaan iklim / jenis tanah / anugerah alam semula jadi H3 Meluaskan pasaran H4 Menambah pendapatan negara H5 Menggalakkan pemindahan teknologi H6 Menikmati harga barang yang lebih murah H7 Tingkatkan kecekapan / barang lebih bermutu H8 Menggalakkan R&D H9 Wujud persaingan antara pengeluar dan barang H10 Menawarkan pilihan pengguna yang pelbagai H11 Menggalakkan mobiliti tenaga buruh H12 Menggalakkan pelaburan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 7m]
7 (c)	Tahap 1 • Pengetahuan terhad tentang teori/konsep ekonomi • Penjelasan secara umum • Huraian bercampur betul dan salah Tahap 2 • Mengemukakan cadangan dengan baik • Berupaya menghuraikan setiap cadangan dengan jelas • Berupaya mengaplikasikan fakta, teori dan prinsip ekonomi dengan betul dan tepat • Contoh/bukti dinyatakan • Huraian satu sisi Tahap 3 • Mempunyai pendirian yang jelas • Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional berkaitan isu • Huraian yang jelas dan matang • Berupaya menilai setiap cadangan secara terperinci dengan bukti yang betul dan tepat. • Fakta yang dikemukakan jelas, tepat dan berkaitan • Hujah dibuktikan melalui contoh/rajah/ maklumat/data yang relevan • Huraian dua sisi	[1 – 3 m] [4 – 6 m] [7 – 9 m]

	TAHAP 3 hanya untuk pelajar yang memberi huraian dua sisi CONTOH JAWAPAN Kelebihan • Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan dalam negara • Menawarkan pilihan barang dari luar negara yang pelbagai kepada pengguna tempatan. • Meningkatkan aktiviti ekonomi • Pengeluaran barang bertambah • Pelbagai barang dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dihasilkan • Kegiatan R & D dijalankan untuk memenuhi kehendak pengguna tempatan • Pengguna dapat menikmati barangan tempatan dengan berkualiti • Kemahiran pekerja tempatan dapat ditingkatkan • Permintaan sumber meningkat • Penawaran firma meningkat • Permintaan buruh tempatan bertambah • Pekerja tempatan memperoleh pendapatan boleh guna yang banyak. • Pengeluaran dapat dijalankan secara besar-besaran secara pengkhususan • Harga barangan tempatan murah Keburukan • Pengguna tidak dapat menggunakan barangan dari luar negara yang berkualiti • Harga barang mahal kerana tiada persaingan • Barang tidak menepati piawaian PANDUAN PEMARKAHAN TAMAT	
--	--	--